

No Wrong Door, The Story of Sidek Hassan

Buku *No Wrong Door, The Story of Sidek Hassan* yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membawa pembaca kepada dunia perkhidmatan awam berdasarkan kaca mata mantan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Karya hasil penulisan Rokiah Talib itu mengisahkan bagaimana Mohd Sidek membuat perubahan kepada sistem perkhidmatan awam negara dengan cara beliau yang tersendiri.

Antaranya, beliau turut menggunakan strategi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi memecahkan mentaliti dan pendapat sesetengah pihak mengenai per-

kongsian aset dengan semua pihak.

No Wrong Door menceritakan secara terperinci mengenai perubahan yang dibawa oleh beliau bagi meningkatkan sistem perkhidmatan awam terutama apabila memperkenalkan budaya 'mesra pelanggan'.

Penyelidikan lengkap

Perubahan yang diperkenalkan oleh beliau itu adalah misi jangka masa panjang yang menjadi iltizam sejak kecil berdasarkan pengalaman beliau berdepan dengan kerenah penjawat awam.

Mohd Sidek turut berkongsi bagaimana beliau menggunakan beberapa kaedah yang kreatif

NO WRONG DOOR

The Story of Sidek Hassan

No Wrong Door, a new era in public service.



No Wrong Door menceritakan secara terperinci mengenai perubahan yang dibawa oleh beliau bagi meningkatkan sistem perkhidmatan awam terutama apabila memperkenalkan budaya mesra pelanggan”

untuk meyakinkan sebahagian besar daripada 1.2 juta kakitangan untuk membudayakan perubahan itu.

Meskipun pada peringkat awal hanya sebahagian kecil saja penjawat awam yang yakin dengan perubahan yang diperkenalkan itu, beliau yakin untuk meneruskan misi terbabit lebih-lebih lagi mendapat sokongan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Penerbitan buku ini sesuai dijadikan panduan bagi membantu memajukan sektor perkhidmatan awam kerana sistem yang diketengahkan sepanjang beliau menjawat jawatan KSN itu terbukti berjaya.